



Umat Islam kini sudah 'liar' ibarat kambing yang terlepas daripada tali tuannya, iaitu Rasulullah SAW hingga perlu kembali kepada Baginda, apabila kambing kembali kepada tuannya, maka kita tidak akan sesat dimakan serigala seperti yang disebut dalam hadis”

Mohd Nazrul Abd Nasir al-Azhari,
Syeikhul Ruwaq Jawi di Mesir

cerita HORIZON 12/11/2019

Pendidikan perlu utamakan sirah, sahsiah Rasulullah

➤ Kerajaan Turki Uthmaniyah beri gaji khas kepada guru didik generasi akhlak mulia

Oleh **Noorazura Abdul Rahman**
bhagama@bh.com.my

✦ **Padang Terap**

Pengajaran sirah dan keperibadian Nabi Muhammad SAW pernah menjadi sukatan pelajaran yang utama dalam sistem pendidikan Kerajaan Turki Uthmaniyah.

Penekanan terhadap sirah dan sahsiah itu, melambangkan tekad khilafah berkenaan untuk membina masyarakat khusus generasi muda yang sempurna.




1 Hari 1 Sunnah

CARA NABI MAKAN

Daripada Kaab ibnu Malik RA yang berkata:
"Rasulullah SAW makan dengan menggunakan tiga jarinya dan menjilatnya (selepas selesai makan)."

*(Syamil Muhammadiyah
oleh Imam Tirmizi)*



Siyeikhul Ruwaq Jawi & Mesir, Mohd Nazrul Abd Nasir al-Azhari, berkata guru pada zaman Uthmaniyah yang mampu mengajar ilmu itu diberi gaji khas berikutan fungsinya yang sangat besar dalam membentuk akhlak umat Islam ketika itu.

“Oleh itu Empayar Uthmaniyah dika-gumi dan bertahan 600 tahun sehingga abad Ke-20 dengan sistem madrasah yang diamalkan sangat berpengaruh.

“Guru dalam empayar itu pula mampu mengajar kitab *Syamail Muhammadiyah* karangan Imam Tirmizi dan kitab *as-Shifa* karya Qadi Iyadh sangat dihargai.

“Pengajian dan pengajaran melalui kitab ini mendekatkan masyarakat Islam dengan insan yang membawa syariat, iaitu Rasulullah SAW,” katanya ketika ditemui di Kampung Pinang, Pedu *di sini*.

Mohd Nazrul berkata, konteks pembahagian ilmu dalam Islam, ilmu mengenali Rasulullah SAW menjadi fardu ain hingga wajib dipelajari oleh Muslim.

Beliau yang juga pengarang kitab *As-Syamail Fi Khulasatis Syamail* (Kesempurnaan Peribadi dan Akhlak Rasulullah) berkata, hal itu boleh dicontohi oleh Malaysia dengan turut menyerlahkan pengajaran sirah dan keperibadian Nabi Muhammad SAW dalam sistem pendidikan.

Mengenai penulisan kitab keperibadian Nabi Muhammad SAW, Mohd Nazrul berkata, beliau menghasilkan kitab *As-Syamail Fi Khulasatis Syamail* untuk memudahkan orang ramai memahami kitab dalam siri *syamail* (kesempurnaan Nabi SAW).

Katanya, selepas itu orang ramai boleh meneruskannya dengan mempelajari kitab *Syamail Muhammadiyah* dan *As-Shifa*.

“Kita perlu mengetahui cara Rasulullah SAW berkomunikasi dengan masyarakat dan sahabat termasuk cara Baginda bermuamalat apatah lagi zaman yang serba

mencabar ini menuntut kita untuk mencontohi Baginda.

“Umat Islam kini sudah ‘liar’ ibarat kambing yang terlepas daripada tali tuannya iaitu Rasulullah SAW hingga perlu kembali kepada Baginda. Apabila kambing kembali kepada tuannya, maka kita tidak akan sesa dimakan serigala seperti yang disebut dalam hadis,” katanya.

Beliau memetik sabda Rasulullah SAW “Tiadalah dari suatu desa atau sahara yang berpenduduk tiga orang (atau lebih) yang tidak didirikan solat (jemaah) kecuali syaitan menguasai mereka. Maka tetaplah kamu berjemaah, sesungguhnya serigala itu hanyalah menerkam kambing yang ter-pencil dari kawanannya.” (HR Abu Daud dan Nasa’i)

Angkat sunah Nabi

Jelas beliau, dengan mengangkat kembali ilmu sunah Nabi Muhammad SAW, umat Islam pada zaman sekarang akan terse-lamat daripada kemurkaan Allah.

Syamail Muhammadiyah diiktiraf kitab yang terkenal dan diterima dalam mem-berikan gambaran Nabi Muhammad SAW.

Kitab karangan ulama hadis kelahiran Tirmiz (kini Uzbekistan) itu, menjelaskan penampilan fizikal, tabiat dan rutin kehidupan Nabi Muhammad SAW, selain menyorot ibadat serta kerohanian Baginda.

Beliau menghimpunkan hadis yang di-riwayatkan Sahabat RA dan ahli keluarga Nabi Muhammad SAW sehingga memba-canya akan menjadikan kita lebih me-ngenali susuk serta peribadi Baginda.

As-Shifa atau judul panjangnya, *as-Shifa b-Ta’rifi Huquq al-Mustafa* pula dikarang Qad Iyadh yang dilahirkan di Ceuta ketika Dinasti Almoravid memerintah wilayah itu yang kini di Sepanyol dan pernah menjadi Kadi Kerajaan Emiriah Granada.